

13 NOV 1996

Law-pembakaran

AGENSI KERAJAAN DISELAR LAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Kabinet hari ini setuju supaya agensi kerajaan mengelak daripada melakukan pembakaran terbuka walaupun perbuatan seperti itu merupakan cara untuk menunjukkan matlamatnya agensi berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata agensi berkenaan perlu mencari kaedah lain untuk memusnahkan barangan rampasan atau berunding dengan pihak kementerian jika gagal menemui cara terbaik memusnahkan barangan berkenaan.

Kabinet menarik perhatian tindakan Kementerian Dalam Negeri membakar filem-filem lucah dan penerbitan berunsur lucah di ibupejabat Jabatan Pertahanan Awam di sini minggu lepas.

Majlis itu dihadiri oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting, pengerusi Lembaga Penapis Filem Datuk Tahir Sijan dan pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Perbuatan itu mendapat kritikan pencita alam tempatan yang menggesa pihak kementerian supaya lebih bertanggungjawab dan menunjukkan contoh baik kepada pihak lain terutama ketika negara sedang menghadapi masalah pencemaran udara yang serius.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Tan Meng Leng berkata Kementerian Dalam Negeri ada meminta mereka dikecualikan dari peraturan untuk membakar pita-pita lucah itu.

"Mereka tidak seharusnya melanggar undang-undang sekalipun mahu menunjukkan mereka serius dalam membendung (pemilikan pita dan majalah lucah) dan untuk menyedarkan orang ramai," kata Law.

Ia merupakan satu kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar dan boleh didenda RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya.

Law juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Pusat Sains Negara berharga RM100 juta di Bukit Jalil dekat sini pada 29 Nov.-- BERNAMA

JM OBA